

18 JUN 1998

Mahathir-Umno

PERHIMPUNAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO DAN WANITA BERJALAN BAIK

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Majlis Tertinggi Umno berpuas hati dengan perjalanan perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno hari ini.

"Perhimpunan kedua-dua pergerakan itu berjalan baik dan tidak menghadapi sebarang masalah," kata Presiden Umno itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno menjelang perhimpunan agung parti esok.

Dr Mahathir berkata MT juga berpuas hati dengan persiapan perhimpunan tiga hari itu yang akan dihadiri 1,907 orang perwakilan.

Perdana Menteri berkata berkata MT juga membincangkan mengenai usul-usul serta pencadang-pencadang usul berkenaan pada perhimpunan agung itu.

Menurutnya usul ucapan dasar presiden akan dicadangkan oleh Datuk Abdul Rashid Ngah dari Terengganu dan disokong oleh Ahmad Mazlan dari Johor manakala usul ekonomi oleh Datuk Kamal Salleh dari Wilayah Persekutuan dan penyokongnya Datuk Masidi Manjun dari Sabah.

Dr Mahathir berkata usul agama dan pendidikan tidak akan dibahas kerana perhimpunan itu mahu menumpukan perhatian menyeluruh kepada masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara kini.

Mengenai cadangan Selangor yang mahu membawa usul ke perhimpunan kali ini supaya jawatan presiden dan timbalan presiden parti tidak ditandingi pada pemilihan parti tahun depan, beliau berkata MT tidak membincangkan mengenai perkara itu.

Selain Selangor, Umno Kedah dan Kelantan juga memutuskan supaya kedua-dua jawatan tinggi parti itu tidak dipertandingkan.

--BERNAMA

ARA NAK